

MTUC, NGO p a n t a u harga barang

BH 23 SEP 2000

Oleh Rahman Hashim dan Nurul Hazren Masitom

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) serta tiga lagi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sedang memantau harga barangan keperluan di seluruh negara bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan ekoran kemungkinan kenaikan harga minyak.

Presiden MTUC Zainal Rampak, berkata pemantauan itu dilakukan mulai sekarang di semua kedai runcit serta pasar raya di seluruh negara.

Beliau berkata, jawatan-kuasa bersama MTUC, Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) dan Majlis Belia Malaysia (MBM) sudah mengarahkan semua anggota gabungan masing-masing melakukan pemantauan itu bagi memastikan peniaga tidak menaikkan harga barangan keperluan sewenang-wenangnya.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan peniaga supaya tidak menaikkan harga barang serta perkhidmatan apabila harga minyak meningkat.

Dr Mahathir berkata sekalipun harga minyak naik 10 peratus, ia hanya membabitkan peningkatan 0.5 peratus kerana kos minyak cuma kira-kira lima peratus daripada kos keseluruhan pengeluaran.

Zainal yang bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir itu berkata, tidak wajar harga minyak dijadikan asas menaikkan

MTUC, Fomca, Cuepacs dan MBM sudah mengarahkan semua anggota gabungan masing-masing melakukan pemantauan itu bagi memastikan peniaga tidak menaikkan harga barangan keperluan sewenang-wenangnya

harga barangan.

"Perbuatan itu akan hanya menyusahkan pekerja di negara ini terutama yang berpendapatan rendah," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata, perbuatan itu juga sudah tentu akan meningkatkan kadar inflasi dan menyusahkan rakyat.

DI MELAKA, Presiden Persekutuan Persatuan Pemandu Bas Sekolah Malaysia (PPPBSM), Chee Ah Tey, meminta kerajaan mengadakan pemantauan bagi memastikan tiada pihak mengambil kesempatan berikutan kenaikan harga minyak.

"Persekutuan berharap kerajaan melalui kementerian serta jabatan berkaitan, mengawasi harga setengah barangan serta perkhidmatan yang dijangka naik disebabkan kenaikan harga minyak," katanya ketika dihubungi *Berita Harian* di sini, hari ini.

Beliau bagaimanapun berharap kenaikan itu pada paras minimum supaya tidak membebankan pengguna.

Chee turut memberikan jaminan persekutuan itu tidak akan menaikkan tambang bas tahun ini, sebaliknya akan berbuat demikian tahun depan.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengedar Bahan-bahan Binaan Malaysia, Lim Ann Kok, berkata pengedar bahan binaan terutamanya bahagian pengangkutan dijangka menaik kadar mengangkut barangan.

Beliau bagaimanapun, yang enggan mengulas jumlah kenaikan itu, menyerahkan keputusan itu kepada pengedar terabit.

Presiden Persatuan Pengusaha-pengusaha Lori Selangor dan Kuala Lumpur, Teh Kok Poo, berkata pihaknya dijangka menaikkan tambang 10 peratus kerana kos minyak mewakili 25 peratus daripada semua kos yang terpaksa ditanggung pemilik lori.

Timbalan Yang Dipertua Pertubuhan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia, Abdul Wahid Bahari berkata, kenaikan harga minyak secara tidak langsung mempengaruhi kenaikan harga barangan dan perkhidmatan.

"Jika kami mengekalkan harga lama, pasti ia memberi kesan terhadap sebilangan besar pekebun kecil yang kini terhimpit akibat penurunan harga getah dan kelapa sawit," katanya.